



29 Oktober 2012
29 October 2012
P.U. (A) 348

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (PINDAAN JADUAL) (NO. 2) 2012

ELECTION COMMISSION (AMENDMENT OF SCHEDULE) (NO. 2) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA 1957

PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA
(PINDAAN JADUAL) (NO. 2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1957 [*Akta 31*], Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) (No. 2) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Akta dipinda—

(a) dengan menggantikan subperenggan 2(a) dengan subperenggan yang berikut:

“(a) apabila bertugas di luar kawasan selama tempoh dua puluh empat jam dan lebih:

Pengerusi	bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “A” dan ke atas mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.
-----------	---

Timbalan Pengerusi	bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “B” mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.
--------------------	---

Anggota bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas "C" mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.”;

(b) dengan menggantikan perenggan 3 dengan perenggan yang berikut:

“3. PERBELANJAAN PENGINAPAN HOTEL DAN LOJING (DALAM NEGERI):

Pengerusi bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas "A" dan ke atas mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Timbalan Pengerusi bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas "B" mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Anggota bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas "C" mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.”;

(c) dalam perenggan 7 dalam butiran “Anggota”, dengan menggantikan angka “900” dengan angka “1,300”;

(d) dengan menggantikan perenggan 10 dengan perenggan yang berikut:

“10. ELAUN PEMANDU:

Pengerusi dan Timbalan Pengerusi	disediakan seorang pemandu atau jika pemandu yang diambil kerja bukan daripada perkhidmatan awam, gaji berasaskan Gred R3 dalam Sistem Saraan Malaysia.
----------------------------------	---

Anggota	bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “C” mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.”;
---------	---

(e) dalam perenggan 12 dalam butiran “Anggota”, dengan menggantikan angka “800” dengan angka “2,500”;

(f) dalam perenggan 18, dengan menggantikan perkataan “Timbalan Pengerusi” dengan perkataan “Timbalan Pengerusi dan Anggota” ;

(g) dalam perenggan 19, dengan menggantikan perkataan “Timbalan Pengerusi” dengan perkataan “Timbalan Pengerusi dan Anggota”; dan

(h) dengan menggantikan subperenggan 21(a) dan (b) dengan subperenggan yang berikut:

“(a) Elaun Sara Hidup

Pengerusi	bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “A” dan ke atas mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6
-----------	--

Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Timbalan Pengerusi bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas "B" mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Anggota bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas "C" mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

(b) Bayaran Sewa Hotel dan Lojing

Pengerusi bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas "A" dan ke atas mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Timbalan Pengerusi bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas "B" mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 atau sebagaimana yang